

03 APR 1999

Abdullah - Fitnah

BUAT TUDUHAN CARA TERBUKA, KATA ABDULLAH

KEPALA BATAS, 3 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mencabar golongan yang suka membuat tuduhan di negara ini, supaya melakukannya secara terbuka.

Beliau berkata mereka hendaklah tampil ke hadapan dan mengemukakan tuduhan secara terang-terang di samping menggunakan nama yang sebenar, agar amalan demokrasi di negara ini sihat.

Beliau berkata demikian pada sidang berita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno Cawangan Bertam di sini.

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri turut membidas penyebar fitnah, yang takut menggunakan nama sebenar sebagai "bacul" kerana mereka juga menyalahgunakan media massa sehingga menimbulkan kegelisahan kepada rakyat.

"Kalau hendak kritik...buatlah dengan cara yang betul...Bukan menggunakan maklumat yang salah atau yang direka-reka," katanya.

Sehubungan itu, Abdullah berkata amalan demokrasi di negara ini tidak harus digunakan untuk membuat fitnah dan mereka-reka cerita yang tidak benar.

Katanya, Umno menyerahkan fitnah yang ditimbulkan itu kepada panel peguam Umno untuk tindakan selanjutnya mengikut lunas undang-undang.

Sebelum itu, ketika berucap merasmikan mesyuarat itu, beliau meminta rakyat terus memberikan sokongan kepada kerajaan agar langkah-langkah pemulihan ekonomi dapat dilaksanakan dengan lancar.

Abdullah berkata kerajaan akan membentangkan kertas putih pada persidangan Parlimen akan datang, yang bermula Isnin ini, untuk menjelaskan keadaan ekonomi semasa.

Menurutnya, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga akan membentangkan kajian semula Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7), untuk membolehkan rakyat mengetahui sejauh mana kejayaan telah dicapai.

-- BERNAMA

AHM RI